



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

21 Mei 2023, KUCHING – Majlis pelancaran Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat 2023 tersebut telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Tuanku Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan turut disertai oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

2. Selari dengan usaha membangun Malaysia MADANI, Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian (*Unity in Diversity*). Di bawah kerangka ini satu program perdana iaitu Kembara Perpaduan Malaysia MADANI diperkenalkan bermatlamat untuk menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap Rukun Negara serta usaha-usaha Kerajaan dalam memperkukuh perpaduan nasional.

3. Sambutan Minggu Perpaduan merupakan salah satu inisiatif di bawah Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang akan disambut di seluruh negara pada minggu terakhir bulan Mei setiap tahun. Sambutan Minggu Perpaduan menjadi manifestasi kepada perpaduan dalam kepelbagaian yang telah kita kecapai sejak sekian lama dan akan terus dipelihara. Pada tahun ini, Kuching telah terpilih sebagai tuan rumah bagi sambutan peringkat kebangsaan bersempena pengiktirafan bandar ini sebagai Bandaraya Perpaduan. Lokasi Sambutan Minggu Perpaduan di seluruh negara adalah seperti di **Lampiran 1**.

4. Menurut YB Menteri, tiga (3) prinsip asas dalam hubungan antara etnik iaitu faham, hormat dan terima hendaklah menjadi panduan dalam meraikan kepelbagaian yang kita miliki ini. Secara umumnya, usaha ini dilihat sebagai satu proses penyatupaduan anggota masyarakat ke arah membentuk identiti dan nilai kebersamaan dengan semangat cintakan negara.

5. Pada majlis yang sama, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong Tuanku turut berkenan melancarkan lagu tema perpaduan yang menggabungkan pelbagai dialek di Malaysia bertajuk Setia Perpaduan. Lagu ini telah digubah hasil daripada cetusan idea Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong demi untuk menerapkan semangat perpaduan rakyat Malaysia. Lagu ini merupakan ciptaan Datuk DJ Dave dan liriknya oleh Prof. Dr. Lim Swee Tin.

6. Selain itu, pelbagai pengisian menarik telah disusun sepanjang program berlangsung dan maklumat lanjut adalah seperti di Lampiran 2. Pelaksanaan program SMP ini turut mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk Kerajaan-kerajaan Negeri dan syarikat korporat yang turut serta dalam memperhebat usaha memartabatkan agenda perpaduan nasional.

Kementerian Perpaduan Negara

21 Mei 2023

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569
E-mail: pro@perpaduan.gov.my
No rujukan: KPN.UKK.100-15/5/4 Jld 2 (18)

Senarai 16 Lokasi Sambutan Minggu Perpaduan Seluruh Negara

1. Waterfront Kuching, SARAWAK
Pada 20-26 Mei 2023
2. Dataran Merdeka Arena Square, Dungin, TERENGGANU
Pada 25-27 Mei 2023
3. Dataran Dato' Syeikh Ahmad, Kangar, PERLIS
Pada 27-28 Mei 2023
4. Taman Tasik Shah Alam dan Taman Tasik Cempaka, Banda Baru Bangi, SELANGOR
Pada 27-28 Mei 2023
5. UiTM Seremban 3, NEGERI SEMBILAN
Pada 27-28 Mei 2023
6. Dataran Tasik Kluang, JOHOR
Pada 26-28 Mei 2023
7. Mydin Mall, Kota Bharu, KELANTAN
Pada 25-27 Mei 2023
8. Padang Sultan Abdul Aziz, Ipoh, PERAK
Pada 27-28 Mei 2023
9. Central Square, Sungai Petani dan Dataran Pahlawan, Alor Setar, KEDAH
Pada 26-27 Mei 2023
10. Pusat Rekreasi Pantai Balok, PAHANG
Pada 27-28 Mei 2023
11. Dewan Masyarakat, Daerah Papar, SABAH
Pada 26-27 Mei 2023
12. Dataran Orang Kampung, Merlimau, MELAKA
Pada 26-27 Mei 2023
13. Bertam Square, PULAU PINANG
Pada 26-28 Mei 2023
14. Pantai Eco Park, KUALA LUMPUR
Pada 27-28 Mei 2023
15. Seasport, LABUAN
Pada 27-28 Mei 2023
16. Kompleks Sukan Presint 18, PUTRAJAYA
Pada 26-27 Mei 2023

Senarai Aktiviti-Aktiviti Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan

1. Unity Walk/Run/Ride

Acara Unity Walk/ Run/ Ride diadakan bagi menyemarakkan lagi semangat perpaduan melalui bidang sukan akan berlangsung pada 20 Mei 2023 bermula pada pukul 7.00 pagi. Acara ini akan melibatkan laluan di sekitar bandar Kuching. Sasaran peserta adalah seramai 2,500 orang bagi acara UNITY Walk/Run dan 500 orang bagi acara Fun Ride dan ia terbuka kepada orang awam berumur 16 tahun dan ke atas.

Para peserta juga digalakkan untuk mengenakan pakaian etnik semasa acara berlangsung dan hadiah bagi kategori pakaian etnik terbaik turut ditawarkan.

2. Program Kembara Ilmu

Program Kembara Ilmu dilaksanakan dengan kolaborasi Pustaka Negeri Sarawak, Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan Jabatan Muzium Negeri Sarawak (JMS). Ia berkonsepkan 'info hunt' di mana para peserta yang terlibat dalam kembara ilmu akan mengembara di beberapa lokasi terpilih untuk mendapatkan sesuatu maklumat dan tugas yang bertujuan mempromosikan budaya membaca walau di mana berada serta memperkenalkan tempat-tempat menarik dan bersejarah di sekitar negeri Sarawak. Tema bagi program ini adalah "Perpaduan dalam Kepelbagaian". Aktiviti melibatkan empat lokasi kembara iaitu Tugu Pahlawan, Muzium Sejarah Semulajadi, Muzium Warisan Islam dan Borneo Cultures Musuem.

Penyertaan terdiri dariada 80 orang peserta dari Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta sekitar Sarawak iaitu:-

- i. Universiti Malaysia Sarawak, Kuching (UNIMAS)
- ii. Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak
- iii. Politeknik Kuching
- iv. Kolej Komuniti Kuching
- v. Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Batu Lintang
- vi. Institut Eksekutif
- vii. SIDMA College Sarawak
- viii. UCSI University Kuching Campus

3. Pameran Rumah Etnik

Pameran Rumah Etnik merupakan segmen bagi memartabatkan warisan seni dan budaya rakyat Malaysia. Makanan, adat perkahwinan, permainan tradisional serta alat muzik adalah antara elemen yang akan dipersembahkan kepada orang awam untuk dipelajari, dirasi dan difahami.

Terdapat 17 etnik terlibat dalam pameran ini adalah seperti Melayu, Melanau, Kayan, Kenyah, Kajang, Cina, Iban, Lunbawang, Bidayuh, Kedayan, India, Bugis, Vaie, Salako Rara, Jatti Miriek, Kadazan Dusun Murut Rungus (Kdmr), Orang Asli Mah Meri

4. Penciptaan Malaysia Book of Records (MBOR)

Sempena Sambutan Minggu Perpaduan, orang awam digalakkan untuk sama-sama berpakaian tradisional khususnya bagi penciptaan rekod Malaysia bagi:

- i. *Most Participants Wearing Ethnic Attire In An Event / Pemakaian Baju Etnik Teramai Dalam Satu Acara*
- ii. *Most Ethnic Cultural Display In An Exhibition / Penyertaan Kumpulan Etnik Paling Banyak Dalam Pameran Kebudayaan*

Antara pakaian yang akan diperagakan untuk cabaran ini ialah:

- (i) Pakaian Tradisional Melayu dari setiap Negeri di Semenanjung Malaysia
- (ii) Pakaian Kaum Cina termasuklah pakaian cheongsam, samfoo, changsan dan baba-nyonya
- (iii) Pakaian Kaum India termasuklah sari, lehenga choli, salwar kameez (punjabi suit), anarkali, kurta, dhoti, dan sherwani
- (iv) Pakaian Kaum Serani
- (v) Pakaian Orang Asli Semenanjung - Mah Meri
- (vi) Pakaian Etnik Negeri Sarawak
 - Jati Miriek
 - Lun Bawang
 - Kedayan
 - Iban
 - Salako Rara
 - Melanau
 - Bidayuh
 - Kayan
 - Kenyah
 - Kajang
 - Orang Ulu
 - Ngajat
- (vii) Pakaian Etnik Negeri Sabah
 - Kadazan
 - Murut
 - Bajau

5. Pameran 60 Tahun Malaysia

Segmen ini mempamerkan sejarah penubuhan Malaysia yang telah dikelolakan oleh Arkib Negara Malaysia bermatlamat menyebarkan informasi di samping mempertingkatkan semangat patriotisme dan rasa cinta kepada negara.

6. Pameran Agensi Kerajaan

Sejumlah 21 agensi kerajaan terlibat dalam acara pameran dan ia termasuklah wakil daripada kerajaan pusat dan negeri. Antara agensi tersebut adalah seperti:

- a. Kementerian Perladangan dan Komoditi
- b. Kementerian Kesihatan Malaysia
- c. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- d. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
- e. Kementerian Belia dan Sukan
- f. Kementerian Komunikasi dan Digital
- g. PACU, Jabatan Perdana Menteri
- h. Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak
- i. Pustaka Negeri Sarawak
- j. Tourism Malaysia Sarawak
- k. Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak
- l. Bank Negara Malaysia
- m. Jabatan Muzium Malaysia
- n. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional
- o. Perpustakaan Negara Malaysia

7. Pameran Produk Usahawan

Pameran dan jualan produk-produk usahawan tempatan seperti hasil kraftangan, barangan makanan kering dan pelbagai sumber ekonomi komuniti setempat akan diadakan.

8. Jualan RAHMAH

Orang awam akan menerima manfaat melalui tawaran harga RAHMAH bagi produk-produk keperluan harian utama di gerai Jualan RAHMAH sepanjang program berlangsung.

9. Lat Tali Lat Tali Tamplom

Segmen ini membawakan pameran permainan tradisional bagi mengimbas kembali kemeriahan acara permainan tradisional yang semakin dilupakan oleh generasi muda pada masa kini. Pameran ini dapat membantu usaha untuk menyemai kembali rasa cinta terhadap permainan tradisional yang menjadi

warisan budaya di kalangan seluruh masyarakat Malaysia sejak sekian lamanya. Antara permainan tradisional yang bakal berlangsung adalah seperti Congkak, Teng-teng, Batu Seremban, Tutup botol, Tuju getah, Serak lidi dan Yo-yo Cina.

10. Peking Kumang & Keling

Peking Kumang dan Keling bakal berlangsung di Kuching Waterfront, Sarawak sempena Perayaan Hari Gawai. Para peserta terlibat akan tampil dengan busana tradisional - Ngepan Iban.

11. Eksplorasi Rukun Negara

Program eksplorasi Rukun Negara merupakan pendekatan memperkukuh semangat patriotisme dan cinta kepada negara melalui aktiviti-aktiviti kuiz kenegaraan yang berasaskan prinsip Rukun Negara.

12. Tayangan Filem Pendek : Budak Terabai

Filem ini mengisahkan Toni, seorang budak bandar yang pulang ke kampung untuk menyambut Hari Gawai bersama keluarganya. Antara mesej yang disampaikan melalui file mini adalah keindahan meneroka tradisi budaya warisan dan hubungan kekeluargaan. 'Budak Terabai' adalah filem pendek dalam mempromosikan perayaan Hari Gawai dan meraikan kepelbagaian ini, bertemakan "Akar Untuk Masa Depan" dibawakan oleh PETRONAS.

Pameran Rumah Etnik merupakan segmen bagi memartabatkan warisan seni dan budaya rakyat Malaysia. Makanan, adat perkahwinan, permainan tradisional serta alat muzik adalah antara elemen yang akan dipersembahkan kepada orang awam untuk dipelajari, dirasi dan difahami.